

**AHAD, 3 OKTOBER, 1982**

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Dr. M dijangka tidak temui pegawai2 British

LONDON, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tiba di sini malam tadi dalam perjalanan pulang selepas lawatan empat hari ke New York, di mana beliau telah berucap kepada perhimpunan agung ke-37 Bangsa-Bangsa Bersatu.

Perdana Menteri dijangka tidak menemui mana-mana pegawai British ketika di sini.

Malam tadi, beliau mengadakan perjumpaan singkat dengan para Pegawai Suruhanjaya Tinggi Malaysia di sini yang diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi, Raja Tan Sri Aznam Haji Ahmad, di Rumah Tetamu Kerajaan di mana beliau menginap.

Datuk Seri Dr. Mahathir dijadualkan berlepas pulang ke tanahair dengan MAS, meninggalkan London pada jam 7 malam waktu tempatan dan sampai di Kuala Lumpur pada jam 6.30 petang Isnin waktu Malaysia. — Bernama.

No. Siri ..... 2993 .....